

ZAKAT KEPADA GOLONGAN LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT) SEBAGAI ASNAF *AR-RIQAB*: KAJIAN KE ATAS FATWA NEGERI SELANGOR

ZAFIRAH¹

MUALIMIN MOCHAMMAD SAHID¹

MUHAMAD FIRDAUS BIN AB RAHMAN¹

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang

Universiti Sains Islam Malaysia

zafirah1021996@gmail.com

(Corresponding author email):

ABSTRAK

Isu berkaitan LGBT bukanlah isu baharu. Akan tetapi permasalahan LGBT ini selalu berkait dengan masalah sosial di dalam masyarakat khususnya di Selangor. Karena setiap tahun jumlah golongan LGBT meningkat. Permasalahan ini semakin merebak dan meresahkan masyarakat bahkan menimbulkan berbagai permasalahan di dalam masyarakat. Dengan demikian Majlis Agama Islam Negeri dan Institusi Zakat di Selangor berinisiatif untuk menangani masalah ini yakni dengan mengkategorikan LGBT sebagai asnaf ar-riqab. Inisiatif itu bertujuan untuk membantu memulihkan sebahagian mereka yang mahu taubat dan hidup normal seperti sedia kala. Kemudian timbul persoalan lagi antara masyarakat dengan institusi mengenai inisiatif yang dijalankan oleh institusi zakat. Artikel ini bertujuan untuk memberi pemahaman kepada masyarakat mengenai inisiatif atau kebijakan institusi untuk menangani permasalahan LGBT. Diharapkan artikel ini dapat menjadi penengah dalam permasalahan LGBT dikategorikan sebagai asnaf *ar-riqab* dan menambah pengetahuan bagi masyarakat.

Kata kunci : LGBT, Asnaf Ar-Riqab, Fatwa, Selangor

1. PENGENALAN

Di dalam al-Quran surah at-Tawbah ayat 60, Allah telah senaraikan siapa sahaja yang berhak menerima zakat yakni fakir, miskin, amil, mualaf, *ar-riqab*, *gharim*, *fi sabilillah* dan *ibnu sabil*. *Ar-riqab* didapati pada posisi kelima. *Ar-riqab* bermakna hamba sahaya. Dari sudut bahasa *al-riqab* berasal dari perkataan *raqaba*, *yarqubu*, *riqbah* (رَقَبٌ, يَرْقُبُ, رَقَبَةٌ) atau *riqbanan* (رَقَبَانًا) bermaksud menjaga, mengintai atau menanti. *Ar-riqab* adalah sama dengan *al-raqabah* (رَقَبَةٌ) yang bermaksud leher atau tengkuk. Ia juga boleh bermaksud orang yang dimiliki oleh orang lain.

Ar-riqab juga dapat didefinisikan sebagai hamba *mukatab* adalah hamba yang dijanjikan oleh tuannya dan boleh dibebaskan dengan syarat membayar sejumlah wang secara angsuran. Dan zakat yang diberikan kepada tuan hamba dapat membayar hutang tebusan supaya dapat dibebaskan. Begitu banyak makna *ar-riqab* jika didefinisikan dari pelbagai sudut pandang para ulama, fuqaha, dan yang lainnya berdasarkan konteks tertentu (Rahman & Khafidz, 2015).

Walaupun demikian makna *ar-riqab* selalu berubah dalam konteks semasa yang dapat dilihat daripada pelbagai sudut dan dimensi.

Justeru itu, timbul isu mengenai perluasan asnaf *ar-riqab* pada masa kini yang mana tidak pernah didapati di pelbagai negara kecuali Malaysia khususnya di Selangor iaitu LGBT dikategorikan sebagai asnaf *ar-riqab*. Banyak pertanyaan timbul terkait penafsiran surah At-Tawbah ayat 60 yang diterapkan kepada asnaf ini? Apakah pandangan ulama dalam isu ini memasukkan golongan LGBT ke dalam kategori asnaf *ar-riqab*? apa maksud yang terkandung dalam fatwa negeri Selangor berkaitan dengan golongan LGBT sebagai penerima zakat? Apa hikmah dan tujuan disebalik agihan zakat kepada golongan LGBT dibawah kategori asnaf *ar-riqab*?. Dan ini perlu dijelaskan supaya isu ini tidak menjadi kontroversi atau perselisihan yang berlarutan kepada pihak-pihak yang berlainan pendirian terhadap isu ini.

2. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah dokumentasi. Metode kajian kualitatif ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam mengenai zakat yang diagihkan kepada golongan LGBT sebagai asnaf *ar-riqab* berdasarkan fatwa Negeri Selangor.

a. Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data dalam kajian ini adalah kajian perpustakaan (library research). Data diperolehi dengan melakukan kajian ke atas penulisan atau dokumen bertulis yang dapat memberikan keterangan dan dijadikan sebagai bukti yang sah. Ia dirujuk dari sumber-sumber dalam bentuk dalil al-Quran dan hadis, buku-buku, jurnal, laporan dan laman web. Data yang diperolehi dari sumber-sumber dikaji semula untuk mengenal pasti kaedah dalam fatwa Negeri Selangor mengenai zakat kepada golongan LGBT sebagai asnaf *ar-riqab*.

b. Metode Analisis Data

Dalam menganalisis data, penyelidik secara umum menggunakan metode analisis deskriptif kualitatif iaitu menilai mutu dan kesahihan data yang diperolehi. Dalam menilai mutu dan kesahihan data iaitu dengan menggunakan kaedah induktif. Kaedah induktif ini untuk mengumpulkan, menganalisa, dan menafsirkan data kemudian membuat kesimpulan dari fatwa Negeri Selangor yang menyatakan zakat diagihkan kepada golongan LGBT sebagai asnaf *ar-riqab*.

3. HASIL KAJIAN

Asnaf Ar-Riqab

Asnaf *ar-riqab* merupakan salah satu penerima zakat yang Allah sebut dalam al-Quran Surah at-Tawbah ayat 60 :

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ
وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٦٠﴾

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (*mualaf*), untuk memerdekakan hamba, untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah, dan Allah Maha mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

Secara umum ayat ini menjelaskan kewajiban zakat dan kepada siapa zakat itu diagihkan. Ada lapan orang yang berhak menerima zakat iaitu orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (*mualaf*), untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang (*gharim*), orang yang berada di jalan Allah (*fi sabilillah*) dan orang yang berada dalam di jalan Allah (*ibnu sabil*).

Ayat ini juga dinamakan sebagai ayat asnaf lapan. Ayat asnaf lapan mengandungi unsur *balaghah* atau kesusteraan yang amat halus. Dalam ayat tersebut Allah SWT telah menggunakan lafaz *li* (لِي) dan (فِي) semasa menyenaraikan para asnaf yang berhak ke atas harta zakat. Lafaz *li* digunakan bagi asnaf fakir, miskin, amil dan mualaf. Lafaz *fi* pula digunakan bagi hamba, orang yang berhutang, *sabilillah* dan *ibnu sabil* (Khafidz, 2017).

Dalam hal ini asnaf *ar-riqab* menggunakan lafaz *fi*, kebanyakan fuqaha dan pentafsir al-Quran menyatakan bahawa penggunaan *fi* dalam asnaf ini memberikan erti bahawa zakat diberikan kepada mereka bagi urusan yang berkaitan dengan masalah yang berkenaan (Khafidz, 2017) serta tidak menunjukkan tentang masa berlaku perkara itu (Abbas, t.ht).

Penafsiran Ulama Mengenai Asnaf *Ar-Riqab*

Para ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud asnaf *ar-riqab* seperti yang telah dijelaskan dalam surah at-Tawbah, ayat 60. Menurut ulama *mutaqaddimun* dan ulama *muta'akhirun* terdapat empat teori dalam menafsirkan maksud *ar-riqab*:

Teori Pertama : Kitabah (Hamba Mukatab)

Kitabah secara etimologi bererti kumpul karena seseorang hamba yang telah mengadakan akad *kitabah* mengumpulkan ansuran sedikit demi sedikit. *Kitabah* secara terminologi pula ialah suatu transaksi yang berkaitan dengan kebebasan seorang hamba dengan menggunakan kalimat tertentu disertai pembayaran secara ansuran, sama ada dua kali ansuran atau lebih. Dan tujuan disyariatkan akad *kitabah* ialah sebagai usaha islam untuk menghapus sistem penghambaan (Al-Khatib, 2008). Juhur sahabat, tabiin dan ulama berpendapat bahawa *ar-riqab* yang layak menerima zakat hanyalah “hamba *mukatab*” iaitu hamba yang membeli atau menebuskan dirinya dengan cara bertanggung (Rahman et al, 2016).

Menurut Imam Syafi'i, *ar-riqab* ialah hamba *mukatab* yang hidup dalam kawasan harta zakat yang dipungut. Jika harta zakat mencukupi, maka diberikan kepada hamba tersebut agar dia merdeka. Jika pemimpin menyerahkan harta zakat itu kepada tuannya, ia adalah lebih baiknamun jika harta zakat itu diberikan kepada hamba tersebut, pemberian itu sah (Al-Syafi'i, t.th)

Di dalam buku Imam Nawawi, Imam Syafi'i dan ulama mazhab berpendapat seperti berikut :

قَالَ شَافِعِيٌّ وَالْأَصْحَابُ يُصْرَفُ سَهْمُهُمْ رِقَابِ الْإِسْلَامِ هَذَا مَذْهَبُنَا وَبِهِ قَالَ أَكْثَرُ الْعُلَمَاءِ كَذَا نَقَلَهُ عَنِ الْأَكْثَرِينَ

Berkata al-Syafi'i dan para sahabat, dibahagikan zakat *al-riqab* kepada hamba *mukatab*, inilah mazhab kami. Ia juga pandangan kebanyakan ulama, itulah dinukil daripada kebanyakan ulama (Al-Nawawi, 1995).

Menurut ulama al-Tobari pula, sebahagian besar ulama mentafsirkan *ar-riqab* sebagai hamba *mukatab* yang diberikan sebahagian harta zakat untuk memerdekakannya (Al-Tobari, 1964).

Dan begitu pun menurut mazhab hanafi :

وَأَنَا (أَحْنَفِيَّة) أَنَّ الْوَاجِبَ هُوَ تَمْلِيكَ، وَالْإِعْتَاقُ إِزَاةٌ لِلْمَلِكِ فَلَمْ يَأْتِ بِأَوْجِبٍ وَمُرَادٌ مِنْ قَوْلِهِ تَعَالَى {وَفِي
الرِّقَابِ} [التوبة: 60] إِعَانَةٌ لِمَكَاتِبِينَ بِأَرْكَافِ مَا نَزَّكَرَهُ وَوَدَّعَ زَكَاتَهُ إِلَى الْإِمَامِ أَوْ إِلَى عَامِلٍ صَدَقَةً
يَجُوزُ، لِأَنَّهُ نَائِبٌ عَنِ الْفَقِيرِ فِي الْقَبْضِ فَكَانَ قَبْضُهُ كَقَبْضِ الْفَقِيرِ

Dan bagi kami (mazhab Hanafi) yang diwajibkan adalah kepemilikan, pembebasan adalah melepaskan atau membuang kepemilikan dan dia tidak melakukan yang wajib. (*Fi ar-riqab* di dalam surah at Tawbah : 60) maksudnya ialah membantu hamba *mukatab* dengan wang zakat seperti yang kami nyatakan. Jika diserahkan zakat untuk pembebasannya kepada amil zakat hukumnya harus, karena mereka adalah sebagai ganti kepada fakir yang mengambilnya, keadaan mereka yang mengambilnya sama seperti fakir yang mengambilnya (Al-Kasani, 1986).

Teori Kedua : Hamba Sahaya

Sebahagian ulama berpendapat bahawa *ar-riqab* yang layak menerima zakat hanyalah hamba sahaya ialah hamba yang boleh dibebaskan dengan cara jual beli kepada tuannya dengan menggunakan wang zakat.

Menurut ulama Malikiyah, maksud *fi ar-riqab* ialah pada pembebasan hamba, maka harus bagi pemerintah untuk membeli hamba dengan wang zakat, sehinggalah pemilikan hamba tersebut diberikan kepada kumpulan muslim. Jika hamba tersebut dibeli oleh pemberi zakat dan dibebaskan, maka hukumnya harus dan inilah kesimpulan mazhab Maliki. Golongan ini juga berhujah, jika *ar-riqab* hanya merujuk kepada hamba *mukatab*, maka ia termasuk dalam kategori *gharim*, kerana dia berhutang kepada tuannya (al-Qurtubi, 1980).

Teori Ketiga : Hamba *Mukatab* dan Hamba Sahaya

Sebahagian ulama seperti Ibnu Qudamah berpendapat bahawa, *ar-riqab* bermaksud hamba *mukatab* dan juga hamba yang dibeli kemudian dimerdekakan (al-Maqdisi, 2004) Al Zuhri juga berpendapat bahawa *ar-riqab* dalam surah at-Tawbah ayat 60 membawa kepada dua jenis pembahagian agihan zakat, iaitu 12.5% untuk *mukatab* dan 12.5% lagi untuk hamba sahaya (Umar, 1994).

Hal ini berpandukan lafaz umum *ar-raqabah* yang meliputi maksud pembebasan hamba *mukatab* dan hamba sahaya. Dan dalil yang dipegang oleh golongan ini ialah hadis Ibnu ‘Abbas RA : “Bebaskanlah dari harta zakat kamu” (Salam, 1968).

Teori Keempat : Menebus Tawanan

Sebahagian ulama, antaranya Imam Ahmad, Ibnu Habib dari pada mazhab Hambali, Ibnu ‘Abdul Hakam daripada mazhab Maliki, Fakhruddin al-Razi dan Ibnu Taimiyyah berpendapat bahawa selain membebaskan hamba, diharuskan menggunakan sebahagian harta zakat untuk menebus tawanan (*al-asr*) yang beragama islam daripada cengkaman orang kafir (Rahman et al, 2016).

Tawanan perang boleh berlaku terhadap orang Islam melalui peperangan dengan orang kafir. Syariat Islam mengharuskan penggunaan dana *ar-riqab* untuk pembiayaan membebaskan tawanan

perang. Hal ini dapat dilihat pada hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Ash'ari :

اطعموا [] لجانع وعودوا [] مريض وفكوا [] عاني

Berikanlah makanan kepada orang yang sedang kelaparan, berikan rawatan kepada orang yang sakit dan bebaskan orang Islam yang sedang dalam tawanan (al-Bukhari, 2002)

Dan ada pula penafsiran *ar-riqab* menurut ulama kontemporari dan fatwa semasa :

Tawanan perang

Sebahagian ulama semasa dan fatwa semasa mentarjihkan pendapat pandangan Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, al-Hasan al-Basri, al-Zuhri, Abu 'Ubayd dan mazhab Hanabilah yang mengatakan bahawa *ar-riqab* iaitu hamba *mukatab*, hamba sahaya dan tawanan perang. Karena Firman Allah *fi ar-riqab* bersifat mutlak (umum).

رجح رأي أصحاب الاتجاه [] ثاني [] للماكية و [] حنابلة و من وافقهم من [] سلف [] لأن قوله تعالى : (وفي [] رقاب) مطلق ، و [] مطلق يجري على إطلاقه ، و [] الذي أرجحه من الراء هو قول ابن عباس وابن عمر و [] حسن [] بصري و [] زهري وأبي عبيد و مذهب [] حنابلة : وهو جعل في [] رقاب في معونة [] مكاتبين وفي عتق الأرقاء جميعا وفي فكاك الأسرى عملا بإطلاق [] تعبير [] قرأني

Ditarjihkan pandangan ulama berdasarkan pandangan kedua (mazhab Malikiyyah, Hanabilah dan yang bersetuju dengan mereka dari kalangan salaf) karena firman Allah *wa fi ar-riqab* adalah bersifat mutlak (umum), sesuatu yang mutlak akan mengikuti mutlaknya. Pandangan yang saya rasakan untuk ditarjihkan adalah pandangan Ibn 'Abbas, Ibn 'Umar, al-Hasan al-Basri, al-Zuhri, Abu 'Ubayd dan mazhab Hanabilah. Iaitu dengan menjadikan *fi ar-riqab* sebagai bantuan kepada hamba *mukatab* dan juga pembebasan hamba secara umum, serta pembebasan tawanan berpandukan kepada umum ungkapan al-Quran (Al-Zuhaili, 1991).

Manakala menurut Fatwa al-Lujnah al-Da'imah li al-Buthuth al-'Ilmiyyah wa al-'Ifta' Arab Saudi dan Fatwa Majelis Ulama Indonesia, "*Ar-Riqab* adalah pembebasan budak (hamba sahaya) atau segala kegiatan yang bertujuan untuk menghilangkan segala bentuk perbudakan di muka bumi." Dan fatwa Mufti Kerajaan Brunei dan Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor 1991 yang menyatakan bahawa *ar-riqab* ialah hamba yang hendak dimerdekakan, oleh sebab itu difatwakan bahawa, "*Asnaf ar-riqab* tiada terdapat di Negeri Selangor dan Agihan Asnaf tersebut hendaklah diagihkan kepada asnaf yang ada seperti di atas" (Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989) .

Umat Islam yang diculik

al-Qurrah Daghi berpendapat bahawa selain golongan hamba dan orang yang ditawan dalam peperangan, orang Islam yang diculik (*al-mukhtataf*) juga layak menerima zakat yang dikategorikan sebagai asnaf *ar-riqab* dikarenakan tidak adanya kebebasan. Oleh karena itu, penculikan adalah salah satu bentuk tawanan, maka orang Islam yang diculik termasuk dalam golongan *ar-riqab*.

أن الاحتطاف قد يكون نتيجة حرب حيث أطلق قرآن كريم في هذه حجة أيضا فظ الاحتطاف، كما أن
فظ الأسير يطلق في لغة على كل من كان مقيدا حريته بسبب قيد، أو نحو ذلك، فعليه المحتطاف في واقع
أسير

Tangkapan berkemungkinan disebabkan oleh peperangan, karena al-Quran sendiri menggunakan lafaz yang sama. Begitu juga perkataan *al-Asir* (tawanan) dari sudut bahasa diberikan kepada setiap orang yang terkait kebebasannya dengan sebab tangkapan atau sebagainya, maka dengan ini seseorang yang ditangkap pada zaman ini juga adalah tawanan (Daghi, 1992).

Umat Islam yang dijajah

Menurut Mahmut Shaltut menjelaskan zaman penghambaan telah berakhir, sebagaimana perjuangan umat islam lakukan dalam pembebasan manusia. Namun pada masa sekarang ada penghambaan yang lebih berbahaya iaitu penghambaan sebuah masyarakat atau rakyat (negara). Mereka dijajah dari segi pemikiran, harta, kekuasaan dan kebebasan mereka di negara sendiri.

(وفي رقاب) وقد كان أبرز ما تصديق عليه جهه رقاب شراء رقيق بقصد تحرير، أو مساعدته في بذل
تحريره الذي بيده سيده، وقد انقرض هذا صنف باقراض راق الذي عمل الاسلام على انقراضه منذ أعلن
كلمته في حرص على حرية الإنسان. وكان قد حل محله الان رق هو أشد خطرا منه على الإنسانية، ذك
هورق شعوب في أفكرها وأمورها وسلطانها وحريتها في بلادها

(*Fi ar-riqab*) maksudnya ialah jika ditelusuri maka perkara yang bertepatan dengan penghambaan ialah pembelian hamba dengan tujuan membebaskannya, atau membantunya untuk usaha pembebasannya yang diberikan kepada tuannya. Penghambaan seperti sudah berakhir dengan berakhirnya sistem penghambaan yang amat ditentang oleh Islam sejak ia menyatakan perjuangannya dalam pembebasan manusia. Tetapi bahagian ini (pembebasan hamba) telah diganti dengan penghambaan yang lebih berbahaya dan memberi mudarat kepada manusia, iaitu penghambaan sebuah masyarakat atau rakyat pada pemikiran mereka, harta, kekuasaan dan kebebasan mereka di negara mereka sendiri. Penghambaan terdahulu hanya berkaitan dengan individu yang mana mereka akan meninggal dunia dan negara akan tetap kekal wujud, tetapi penghambaan jenis moden ini adalah penghambaan masyarakat dan umat, yang melahirkan masyarakat dan umat juga. Ia adalah penghambaan yang akan berterusan dan berkekalan, maka ia lebih berhak dan utama untuk diperjuangkan kebebasannya, mengangkat semula ketinggian masyarakat dan menghapuskan kehinaan padanya, bukan sahaja dengan wang zakat, bahkan dengan seluruh harta dan jiwa (Shaltut, t.th).

Umat Islam yang dibelenggu

Sebahagian ulama meluaskan maksud ar-riqab berdasarkan ijtihad Muhammad Rashid Redha dan Mahmud Shaltut. 'Illah *ar-riqab* dikaitkan dengan pembebasan individu daripada belenggu. Dan belenggu itu terbagi kepada tiga skim bantuan iaitu belenggu kejahilan, belenggu masalah sosial dan akhlak serta belenggu dalam pelbagai aspek. Di Malaysia memiliki pandangan setiap negei mengenai definisi asnaf *ar-riqab*, salah satu diantaranya ialah Selangor. Menurut Negeri Selangor *ar-riqab* ialah seseorang yang terbelenggu di bawah sesuatu kuasa atau keadaan yang menjadi hambatan kepada dirinya bagi menjalani kehidupan yang baik (Rahman et al, 2016).

Terdapat perbezaan dan perluasan definisi dari para ulama mutaqqaddimun, ulama muta'akhhirun dan ulama kontemporari serta beberapa fatwa di beberapa negara. Dari definisi

tersebut dapat memberi gambaran bahawa penafsiran surah at-Tawbah ayat 60 dapat diterapkan kepada isu zakat yang diagihkan kepada golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) sebagai asnaf *ar-riqab*.

Zakat kepada golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) sebagai asnaf *ar-riqab* ke atas fatwa Negeri Selangor dapat diterapkan berdasarkan faktor perubahan keadaan semasa dan setempat ke atas perubahan hukum. Dan dapat dilihat dari perluasan makna *ar-riqab* pada masa kini dengan realiti semasa dengan kaedah pengagihan bantuan zakat asnaf yang sesuai.

Perluasan makna *ar-riqab* untuk golongan LGBT yang dikategorikan sebagai asnaf *ar-riqab* ialah orang Islam yang terbelenggu dalam masalah sosial dan akhlak serta memiliki ciri dieksploitasi sehingga diperhambakan.

Pandangan Ulama Mengenai LGBT Dikategorikan Sebagai Asnaf *Ar-Riqab*

Pandangan ulama kontemporari menunjukkan takrifan yang lebih diluaskan iaitu hamba mukatab, hamba sahaya dan orang Islam terbelenggu mempunyai ciri dieksploitasi sehingga diperhambakan. Firman Allah dalam Surah An-Nur ayat 33 bermaksud :

“...dan hamba-hamba kamu (lelaki dan perempuan) yang hendak membuat surat perjanjian untuk memerdekakan dirinya (dengan jumlah bayaran tertentu), hendaklah kamu melaksanakan perjanjian itu dengan mereka jika kamu mengetahui ada sifat-sifat yang baik pada diri mereka (yang melayakkannya berbuat demikian); dan berilah kepada mereka harta Allah yang telah dikaruniakan kepada kamu...” (Jani et al, 2016)

Dari Firman Allah SWT dapat diambil kesimpulan bahawa salah satu cara dalam agama Islam untuk menghilangkan sistem perhambaan, iaitu seorang hamba atau orang islam boleh meminta pada tuannya untuk dimerdekakan, dengan perjanjian bahawa hamba atau orang islam itu akan membayar sejumlah wang yang ditentukan kepada tuannya. Dan tuannya hendaklah menerima perjanjian itu. Perjanjian itu dengan harta yang halal. Dan jika ingin mempercepat pembayaran tersebut boleh menggunakan harta yang diambil dari zakat atau lainnya.

Majoriti ulama tidak menerima itihad meluaskan maksud *ar-riqab* keluar daripada konsep hamba . Jika berlaku perluasan maksud *ar-riqab* tersebut, ia masih dalam lingkungan hamba seperti orang yang Islam yang ditawan, yang mengikut adat peperangan ketika itu, dan tawanan tersebut dijadikan hamba. Namun sebahagian ulama semasa seperti Muhammad Rashid Reda dan Mahmud Shaltut cuba meluaskan lagi konsep *ar-riqab* dengan berbeza ‘illah. Mereka berijtihad bahawa bangsa yang dijajah adalah lebih besar mudaratnya berbanding seorang hamba dan begitu pula amalan di Malaysia khususnya di Negeri Selangor meluaskan *qiyas* tersebut dengan ‘illah terbelenggu. (Rahman, et al., 2017)

Para sarjana Islam menetapkan bahawa ‘illah kelayakan menerima zakat kategori *riqab* adalah pembebasan dari pada belenggu. Penetapan sebegini telah membuka ruang kepada pelbagai penafsiran terhadap konsep asnaf *ar-riqab*. Salah satunya ulama Al-Zuhayli menjelaskan bahawa *riqab* ialah golongan hamba yang memerlukan wang bagi membebaskan diri dari belenggu penghambaan. Dan menurut ulama Rashid Ridha bahawa dana zakat bagi asnaf *riqab* selayaknya disalurkan kepada mereka yang memperjuangkan kemerdekaan daripada penjajah. Ini dikarenakan penjajahan ke atas suatu negara berdaulat yang melibatkan masyarakat awam adalah lebih kritikal daripada belenggu penghambaan individu (Rahman et al, 2016).

Fatwa Negeri Selangor tentang LGBT Dikategorikan Sebagai Asnaf *Ar-Riqab*

Merujuk kepada mesyuarat Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada tanggal 14 Jun 2011 telah memutuskan golongan penerima agihan *ar-riqab* adalah golongan yang terbelenggu masalah sosial atau akidah.

- a. Masalah sosial : ia dapat dibahagikan kepada beberapa penafsiran belenggu terkait dengan permasalahan sosial, iaitu : (1) Terbelenggu dengan dadah (penagih dadah dan bekas penagih dadah); (2) Terbelenggu dengan masalah jenayah syariah (minum arak, judi, zina khalwat, mengandung luar nikah, buang anak, sumbang mahram, ibu ayam, menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam, mempersenda al-Quran dan hadis serta lain-lain); (3) amalan salah faham seperti tidak solat, tidak puasa, usaha membunuh diri dan hidup bersama pelacur; (4) Terbelenggu dengan gaya hidup sonsang (pelacur, lesbian, homoseksual, biseksual, pengkid, tomboy, gigolo, dan bersedudukan dengan orang bukan Islam); (5) Terbelenggu dengan kes juvana (gangster, jenayah melibatkan harta benda, pergaduhan melibatkan kecederaan, rompakan, pecah rumah, rogol, jenayah melibatkan senjata berbahaya dan ugutan melibatkan keganasan); (6) Terbelenggu dengan penyakit kronik (HIV/aids, kanser, tibi, hepatitis dan lain-lain)
- b. Masalah Akidah : Ia dapat dipecahkan kepada beberapa belenggu masalah akidah seperti, (1) Terbelenggu dengan masalah syirik dan khurafat contohnya penagkuan menjadi nabi, menghina Islam dan pemujaan syirik; (2) Orang Islam yang terbelenggu dengan akidah yang terpesong

Selangor merupakan satu-satunya negeri yang progresif dalam menyantuni pelaku LGBT. Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Selangor Bil 2/2011 bertarikh 14 Jun 2011 di bawah Fasal (A) telah memperuntukkan mereka yang terlibat dengan masalah sosial, termasuklah golongan LGBT, disenaraikan sebagai pihak yang layak menerima zakat dalam kategori asnaf *ar-riqab* berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.

Selain itu golongan LGBT kerap dilihat sebagai golongan terbelenggu oleh hawa nafsu iaitu hubungan sejenis. Belenggu nafsu dan belenggu masalah sosial merupakan kerosakan yang perlu dihindari. Masalah sosial yang tidak dapat dirawat akan menjadi ancaman seperti wabak HIV, ketagihan arak dan dadah, pengabaian kanak-kanak dan sebagainya. Oleh yang demikian, inisiatif pemberian zakat kepada golongan LGBT adalah satu keperluan kerana ramai dari kalangan golongan ini yang menunjukkan sikap untuk insaf dan kesediaan untuk menerima bimbingan. Ini bukanlah bermaksud wang zakat diberikan langsung kepada individu pelaku LGBT, tetapi disalurkan kepada institusi yang terlibat dalam aktiviti pemulihan LGBT (Rahman et al, 2018).

Pelaksanaan Agihan Zakat Kepada Golongan LGBT Di Negeri Selangor

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah menubuhkan bahagian pemulihan *ar-riqab* untuk membantu golongan *ar-riqab* ini mendapatkan bantuan zakat melalui program pemulihan yang dilaksanakan oleh MAIS dengan dibantu oleh badan bukan kerajaan berdaftar bertujuan mendidik dan membimbing mereka menjadi mukmin yang diredhai. Dalam pelaksanaan agihan zakat kepada golongan LGBT yang dikategorikan sebagai asnaf *ar-riqab*, ada beberapa prosedur yang dilakukan sebelum melakukan program tersebut, dan ia ialah :

1. Pendaftaran : golongan LGBT yang menerima zakat asnaf *ar-riqab* dan agensi pemulihan LGBT perlu didaftarkan bagi tujuan mewujudkan pangkalan data perkongsian matlumat.
2. Pemulihan : mereka juga wajib mengikuti kursus-kursus pemulihan bagi tujuan pembebasan dari belenggu masalah sosial. Dan program pemulihan tersebut dilaksanakan melalui 4 fasa iaitu :

Fasa 1 : Ziarah

Fasa 1 melibatkan aktiviti-aktiviti ziarah ke rumah dan outreach ke lapangan. Walaupun hanya baru fasa 1, namun nampak impak program tersebut cukup besar. Golongan-golongan LGBT kini semakin bebas dari salah tanggapan (stigma) negatif kepada institusi Islam seperti Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dan terdapat beberapa orang dalam kalangan LGBT yang ingin melibatkan diri dalam program yang dipromosikan kepada mereka. Program fasa 1 ini telah membantu bahagian pemulihan *riqab* mengenal pasti latar belakang individu LGBT dari sudut kekeluargaan dan taraf hidup. Hal ini bagi melihat suasana dan persekitaran kehidupan golongan ini dan kebolehterimaan ahli keluarga mereka terhadap golongan LGBT sebagai sebahagian daripada keluarga.

Fasa 2 : Jalinan Ukhwah

Program fasa 2 lebih meliputi kepada aktiviti-aktiviti santai dan membina hubungan yang lebih rapat antara penganjur program dengan peserta-peserta seperti Program Jalinan Kerjasama atau Program Ziarah Mahabbah. Aktiviti-aktiviti dalam program ini ialah lawatan ke sekitar kawasan setempat, sesi perkongsian dan pengenalan program. Sesi ramah mesra antara peserta-peserta dan antara peserta dengan penganjur. Selain itu, kuiz juga turut dijalankan dengan tujuan untuk menilai tahap pengetahuan peserta. Soalan kuiz berkaitan dengan soalan-soalan asas Islam dan sejarah setempat.

Fasa 3 : Bimbingan

Fasa 3 diisi dengan program seperti Kelas Bimbingan Agama (kelas yang diadakan secara berjadwal seperti mempelajari ilmu asas Islam), Perawatan (rawatan kinikal dan spiritual) dan Pemulihan serta Program Bantuan dan Kebajikan (memberikan bantuan material dan keperluan hidup seperti agihan sempena menyambut syawal)

Fasa 4 : Pengukuhan

Fasa terakhir ialah Program Pemulihan LGBT adalah program yang lebih fokus kepada tiga aspek iaitu ibadah, spiritual dan kasih sayang (Rahman et al, 2019).

3. Pengawasan : langkah-langkah pengawasan standard dilakukan bagi memastikan bimbingan yang disampaikan oleh guru yang berkelayakan dan modul-modul mencapai standard yang ditetapkan
4. Perlindungan : pihak yang terancam turut mendapatkan perlindungan daripada MAIS
5. Pencegahan : Bahagian Pemulihan *Riqab* membuat pencegahan peringkat awal. Contohnya : program-program motivasi dan muhasabah dijalankan kepada pelajar sekolah yang bermasalah disiplin

6. Bantuan dan kebajikan : bagi asnaf *riqab* yang mampu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MAIS, mereka boleh ditawarkan bantuan kebajikan bagi memastikan mereka komited dengan amalan Islam (Rahman et al, 2018).

Hikmah Dan Objektif Disebalik Agihan Zakat Kepada Golongan LGBT Sebagai Asnaf *Ar-Riqab*

Di dalam sebuah program atau perencanaan yang dilaksanakan semestinya memiliki tujuan dan hikmah dari program tersebut diantaranya ialah LGBT sebagai asnaf *ar-riqab* merupakan inisiatif yang mampu menghindarkan atau memulihkan masyarakat daripada *mafsadah* LGBT yang boleh dianggap sebagai langkah merealisasikan masalah sosial. Selain itu amalan LGBT dianggap sebagai kesalahan jenayah, jika tidak dibendung akan menimbulkan kerisauan masyarakat dan mengganggu ketenteraman sosial di Malaysia khususnya di Selangor. Kemudian program tersebut dapat membantu dan memberi kesempatan kepada golongan LGBT yang berkeinginan keluar dari aktiviti sonsang atau insaf.

Selain dari pada itu hikmah dan objektif dari program tersebut iaitu untuk meningkatkan nilai-nilai kemanusiaan baik secara material dan mental untuk membawa manfaat bagi umat manusia dan juga inisiatif ini untuk melestarikan satu dari lima prinsip masalah *daruriyyat* (agama, diri/jiwa, akal, keturunan dan harta) dan untuk mengubati masalah sosial dalam masyarakat Islam terutama untuk masalah LGBT. Dan yang terakhir sebagai perkembangan ilmu fiqh pada masa kini serta untuk membantu institusi zakat dalam pengurusan zakat berkaitan pengagihan zakat untuk asnaf *ar-riqab*.

4. KESIMPULAN

Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) merupakan golongan yang merubah fitrah asal kejadiannya ke personaliti yang bertentangan dengan syariat Islam dan prinsip kemanusiaan dalam masyarakat. Namun sebahagian daripada mereka banyak yang ingin keluar dari hal-hal yang bertentangan dengan fitrah dan insaf atas apa yang mereka lakukan. Oleh karena itu, fatwa Negeri Selangor merupakan sebuah fasiliti untuk membantu mereka kembali ke pangkal jalan dan hidup seperti manusia normal biasa. Dengan adanya fatwa yang menyatakan bahawa golongan LGBT sebagai asnaf *ar-riqab*, Majelis Agama Islam Selangor (MAIS) dan Institusi Zakat berinisiatif untuk mengagihkan zakat kepada golongan LGBT sebagai bantuan kepada mereka dalam bentuk program pemulihan bukan berbentuk wang. Dengan demikian, terwujudlah prinsip kemanusiaan antara sesama manusia dan kewajiban sebagai hamba Allah iaitu amar makruf nahi mungkar, serta dapat menangani permasalahan dan kerisauan masyarakat yang disebabkan golongan LGBT.

5. RUJUKAN

Abbas, H. (t.ht). *al-Nahwu al-Wafi* (Edisi 5 ed.). Mesir: Dar al-Ma'arif.

al-Bukhari, A. A. (2002). *Shahih al Bukhari* (Cet. ke-2 ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Kasani, ' a.-D.-H. (1986). *Bada'i al-Sana Li Fi Tartib al-Shara'i*. Beirut: Dar Al-Kitab Al-'Arabi.
- Al-Khatib, M. A.-S. (2008). *Al-Iqna' Terj. Mujib*. Johor Bahru: Jahabersa.
- al-Maqdisi, A. M. (2004). *Umdah al-Fiqh* (Jil.1 ed.). Beirut: Al-Maktabah al-Asriyyah.
- Al-Nawawi, A. Z.-D. (1995). *Kitab Al-Majmu' Syarh Al-Muhadhdhab Li Al-Syirazi*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi'.
- al-Qurtubi, A. A.-A. (1980). *Al-Jami' Li Ahkam al-Quran*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Syafi'i, M. b. (t.th). *Al-Umm*. Beirut: Dar Ma'rifah.
- Al-Tobari. (1964). *Tarikh Al-Rusul wa Al-Mulk*. Kaherah: Dar Al-Ma'rifah.
- Al-Zuhaili, W. (1991). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj* (Jil.9 ed.). Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Daghi, ' M.-D.-Q. (1992). *Nazarat Muta'assilah fi Masraf al-Riqab wa Mada Jawaz al-Zakat fi Fidyah al-Asir wa al-Mukhtataf*. Amman: Mu'assasah al Risalah.
- Jani, R. M., Paizin, M. N., Abdullah, L. H., & Rosele, M. I. (2016). *Menelusuri Isu-Isu Kontempoari Zakat*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat MAIWP.
- Khafidz, h. A. (2017). *Pentafsiran Asnaf Zakat*. Bandar Baru Nilai: USIM PRESS.
- Rahman, A. A., & Khafidz, H. A. (2015). *Ensiklopedia Asnaf Dan Skim Agihan Zakat Di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Rahman, A. A., Fisal, S. M., Mokhtar, S. Z., Ismail, N., Mansur, T., Abidin, T. Z., et al. (2017). *Kedudukan Penagih Dadah Sebagai Penerima Zakat Asnad Ar-Riqab Di Malaysia*.
- Rahman, A. A., Ghani, N. A., Zakaria, M. A., & Faisal Yeap, M. M. (2019). *Program Pemulihan Lesbian, Gay, Bisexual Dan Transgender (LGBT) : Bahagian Pemulihan Riqab, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)*. *Perdana International Journa Of Academic Research*.
- Rahman, A. A., Mansur, T., & Abidin, T. Z. (2016). *Kedudukan Asnaf Ar-Riqab Dan Cadangan Kaedah Pengaplikasiannya Di Negeri Perak. Dalam Razali Md. Jani et al, Menelusuri Isu-Isu Zakat Kontemporari*. Kuala Lumpur:PPZ.
- Rahman, A. A., Rosman, A. S., Mokhtar, A. W., Majid, M. A., Mokhtar, A. N., & Rahman, M. A. (2016). *Kedudukan Asnaf Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat Di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.

Rahman, A. A., Thaidi, H. A., Rahman, M. A., & Baharuddin, A. S. (2018). Golongan LGBT Sebagai Penerima Zakat Menurut Konteks Masalah. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, Vol.12. No.2, 101.

Salam, A. U.-Q. (1968). *Al-Amwal*. Kaherah: Maktabah al-Kulliyah al-Azhariyyah.

Selangor, N. (1994). *Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989*. Warta Kerajaan 29hb Ogos 1994.

Shaltut, M. (t.th). *Al-Fatawa*. Kaherah: Dar al-Qalam.

Umar, M. F.-D.-R.-D. (1994). *Al-Tafsir al-Kabir wa Miftah al-Ghayb*. Beirut: Dar al-Fikr.